



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	23/11/2019	MUKA SURAT	: 36
JABATAN	:	KATS / SPAN / IWK		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

IWK ambil alih 206 loji rawatan air sisa

JOHORBAHRU - Syarikat perkhidmatan pembedungan nasional, Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) akan mengambil alih 206 loji rawatan air sisa di Johor Bahru dan Pasir Gudang daripada kerajaan Johor pada suku pertama tahun 2020.

Pengambilalihan itu, susulan persetujuan kerajaan negeri untuk menyerahkan perkhidmatan pembedungan awam di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) kepada IWK bagi tujuan operasi dan penyelenggaraan sistem pembedungan di kawasan berkenaan.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr A Xavier Jayakumar berkata, persetujuan itu dinyatakan Menteri Besar, Datuk Dr Sahrudin Jamal kepada pihak Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KTAS) pada 18 November lepas.

"Beliau (Dr Sahrudin) menyatakan kerajaan Johor tiada halangan untuk IWK ambil alih dan menjalankan perkhidmatan pembedungan di Johor Bahru dan Pasir

Gudang," kata beliau dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dengan pengambilalihan itu, keseluruhan perkhidmatan pembedungan awam di Johor Bahru dan Pasir Gudang adalah di bawah selenggaraan penuh IWK.

"Proses pengambilalihan akan diselaraskan bersama dengan anak syarikat kerajaan Johor iaitu Johor Special Water Sdn Bhd (JSW) dan Permodalan Darul Takzim Sdn Bhd (PDT) dengan anggaran dilaksanakan pada suku pertama tahun 2020.

"Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan pantau kesemua proses pengambilalihan agar ia lancar dan tidak mengganggu perkhidmatan pembedungan kepada pengguna di Johor Bahru dan Pasir Gudang," katanya.

Xavier juga berkata, IWK memerlukan tempoh sekitar 24 bulan untuk membaiki dan menaik taraf sebahagian daripada loji itu bagi mencapai tahap operasi yang sepatutnya serta memenuhi piawai Jabatan Alam Sekitar (JAS).- *Bernamea*